



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ANUGERAH
KECEMERLANGAN SUKAN DAN**

**KOKURIKULUM - SMK PUTRAJAYA
PRESINT 9 (2) TAHUN 2023**

**5 JANUARI 2024 (JUMAAT)
8.00 MALAM**

**DEWAN KEMENTERIAN BELIA DAN
SUKAN (KBS), PUTRAJAYA**

Terima kasih kepada Saudara/Saudari
Pengacara Majlis,

Yang Berusaha,
Puan Mazira binti Mohd Zain,
Pengetua SMK Putrajaya Presint 9 (2)

Yang dihormati,
Puan Dalizwa Deena binti Salihin,
Timbalan Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,
Jabatan Pendidikan Wilayah
Persekutuan Putrajaya

Puan Nur Azma binti Muhammad,

Pegawai Angkat Sekolah
Ketua Penolong Pengarah,
Sektor Pengurusan,
Jabatan Pendidikan
Persekutuan Putrajaya

Wilayah

Puan Salina binti Saliman,
Pegawai Angkat Sekolah.
Penolong Pengarah,

Sektor Penilaian dan Peperiksaan,
Jabatan Pendidikan Wilayah
Persekutuan Putrajaya.

Yang dihormati,
Tuan Haji Rozaan bin Mat Isa,
Yang Dipertua,
Persatuan Ibu bapa dan Guru

Yang dihormati,
Barisan Penolong Kanan,

Guru – guru Kanan Mata Pelajaran,
Para jempukan,
Guru- guru SMK Putrajaya Presint 9(2)

Yang diraikan,
Anak-anak murid cemerlang,
Ibu bapa dan waris,
Seterusnya para hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Madani.

Merdu suara paduan serasi,
Tengah halaman terdengar nyanyian;
Kemilau Juara himpunan inspirasi,
Aura kejayaan tercipta kenangan.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi
kesyukuran saya rafaqkan ke hadrat

Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Dan Kokurikulum SMK Putrajaya Presint 9 (2) Tahun 2023 pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, ribuan terima kasih kepada seluruh warga SMK Putrajaya Presint 9 (2) kerana telah menjemput saya. Sesungguhnya saya amat bersyukur dan gembira kerana dapat untuk bersama-sama meraikan hari yang penuh bermakna ini bersama anda semua.

Para Hadirin Sekalian

3. Pada kesempatan ini juga, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada pihak sekolah, terutamanya kepada Pengetua, Puan Mazira binti Mohd Zain serta tahniah kepada Puan Yusnida binti Mohd Sani, selaku Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang menjadi

tunjang kepada Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan dan Kokurikulum 2023 ini.

4. Saya difahamkan, majlis ini adalah simbolik penghargaan dan tanda pengiktirafan kepada anak-anak murid dan guru-guru SMK Putrajaya Presint 9 (2) yang telah berpadu

tenaga untuk mencapai kejayaan, seterusnya mengharumkan nama

sekolah sama ada di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

5. "Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Pepatah ini

jelas menunjukkan betapa pentingnya usaha untuk merangkul kejayaan.

Susah payah yang dilalui bukan sekadar menghasilkan "buah yang manis", malah dalam konteks pendidikan, ia membentuk pelajar untuk sentiasa belajar dari kegagalan dan gigih mencapai tujuan kejayaan.

6. Tahniah kerana banyak kejayaan yang telah digapai oleh warga SMK Putrajaya Presint 9 (2) bukan sahaja

dalam bidang sukan malah kokurikulum dalam tempoh setahun yang lalu. Jika dilihat, penyertaan dan pencapaian anda semua di peringkat negeri dan kebangsaan amat memberangsangkan.

7. Kejayaan ini adalah bukti keberkesanan Dasar Pendidikan Kebangsaan, yang menjadikan

kokurikulum sekolah sebagai nadi utama mencorakkan generasi akan datang melalui sistem pendidikan yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan yang bukan sahaja kaya budaya ilmunya, tetapi juga tinggi

sahsiah dan adab dalam membentuk generasi MADANI.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

8. Kegiatan kokurikulum bukan hanya sekedar melengkapi pendidikan formal, tetapi juga memberikan peluang kepada pelajar untuk

berkembang secara menyeluruh sebagai individu yang tangguh,

berwawasan, dan memiliki keterampilan yang pelbagai.

9. ANGKASA, sebagai badan Apeks koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan sentiasa komited menggalakkan pembelajaran aktif murid dengan

mengetengahkan koperasi sekolah yang dilihat mampu memenuhi keperluan industri dan meningkatkan kebolehpasaran murid dengan fokus

utama adalah proses pembelajaran yang membekalkan pengalaman pembelajaran dan kehidupan, bukan semata-mata kepada keputusan pada akhir.

10. Untuk makluman para hadirin serta anak-anak yang dikasihi, gerakan koperasi sekolah telah bermula di

Malaysia pada tahun 1968 dan koperasi sekolah pertama dengan pendaftaran adalah Koperasi Sekolah Akademik Limbang Berhad di Limbang pada tahun 1976.

11. Sejak 56 tahun penubuhannya, koperasi sekolah telah berkembang hingga mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah mengiktiraf kegiatan

koperasi sekolah sebagai aktivitas kokurikulum di peringkat sekolah menengah kerajaan. Galakan daripada KPM dalam penubuhan koperasi sekolah juga berupaya

membentuk keperibadian dalam kalangan warga sekolah.

12. Kemampuan koperasi sekolah ini dapat dibuktikan dengan 23 buah

koperasi sekolah telah berjaya memperolehi perolehan melebihi RM1 juta sehingga tahun kewangan 2023. Di samping itu, Malaysia juga dikenali di peringkat antarabangsa kerana

mempunyai koperasi sekolah yang berstruktur. Ini membuktikan inisiatif yang dilaksanakan sejak penubuhan koperasi sekolah telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan.

13. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Jun 2023 (Interim), 2,485 koperasi sekolah

telah menyumbang perolehan sebanyak RM227.48 juta dengan aset bernilai RM440.12 juta, syer/yuran berjumlah RM29.79 juta dan

keanggotaan seramai lebih 2 juta orang.

14. Dengan jumlah perolehan tersebut, keuntungan bersih hasil perniagaan

koperasi berupaya membantu dalam menjalankan aktiviti kokurikulum dan pembangunan sekolah khususnya melalui tabung-tabung khas yang diwujudkan oleh koperasi. Disamping itu juga, koperasi sekolah berjaya

menjadi platform paling berkesan dalam melahirkan pelapis kepada kepimpinan koperasi yang berkaliber.

15. Perkara ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memupuk pelbagai nilai-nilai murni yang diperlukan dalam

melahirkan manusia berguna dan berjaya kepada agama, bangsa dan negara. ANGKASA sentiasa komited

untuk meneruskan agenda memastikan koperasi sekolah dikenali di peringkat kebangsaan mahupun global.

16. ANGKASA yakin, masih banyak koperasi sekolah yang berpotensi

tinggi untuk menjana pendapatan dan perolehan. Sudah pasti, sokongan

padu daripada PIBG, guru, para pentadbir serta ibu bapa khususnya amat penting untuk kemenjadian anak-anak yang disayangi.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

17. Kecemerlangan pelajar bukan hanya diukur dari segi akademik, tetapi juga melibatkan pelbagai aspek lain yang membentuk perkembangan holistik pelajar sebagai individu yang dinamik dan berdaya maju.

18. Saya yakin, guru-guru di sekolah ini adalah pembimbing yang terbaik dan sentiasa komited untuk memastikan

anak-anak didik memperoleh pengalaman dan kejayaan dalam apa jua bidang yang disertai.

19. Sekali lagi, tahniah kepada seluruh warga sekolah terutamanya kepada

penerima anugerah yang bakal dinobatkan sebentar sahaja lagi. Doa saya, mudah-mudahan kemenangan

murid-murid sekolah ini akan terus menyerlah dan akan mencipta lebih banyak pencapaian di peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Teruslah menjejak jaya sehingga ke persada dunia.

Akhir kata, dengan lafaz
BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM,

saya merasmikan Majlis Anugerah
Kecemerlangan Sukan dan
Kokurikulum SMK Putrajaya Presint 9(2)
bagi tahun 2023.

Sekian,
Wabilaahi taufik wal hidayah
Wassalamualaikum

Warahmatullahiiwabarakatuh.